

E-BULETIN  
EDISI  
2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# PERJALANAN AGUNG: PENYUCIAN JIWA KEMUNCAK IBADAH

Alhamdulillah syukur kehadiran ilahi dengan keizinanNya jua dapat saya berkongsi cerita dan peristiwa suatu perjalanan agung yang melibatkan peribadatan menunaikan rukun Islam yang kelima. Tarikh 5 Jun 2022 adalah suatu tarikh keramat iaitu tarikh penerbangan KT03B membawa Jemaah haji ke Madinah. Tahun 2022 menyaksikan seramai sekitar 14,000 ribu duyufurrahman (tetamu Allah) berpeluang mengerjakan haji bagi tahun tersebut.

Tiada tahun yang bersejarah dalam kehidupan saya yang telah memasuki usia separuh abad selain mendapat jempunan raja segala raja untuk datang bersama isteri tersayang mengunjungi Baitullah. Panggilan haji ini sudah tentu memerlukan persiapan yang amat serius dimana kami telah lalui pelbagai siri kursus Asas Haji dalam pelbagai format iaitu secara bersemuka dan juga secara atas talian di saat pandemik covid 19 melanda dunia.

Ujian di peringkat awal ini mematangkan bakal Jemaah haji di mana kemabruran itu semestinya bermula sebelum ke tanah suci lagi apatah lagi semasa dan sesudah kembali ke tanah air. Semuanya itu memerlukan pengorbanan. Nabi Allah Ibrahim A.S dan isteri baginda Saidatina Siti Hajar serta anakanda mereka Nabi Ismail A.S merupakan figura hebat yang mempunyai ciri-ciri insan yang soleh lagi musleh.

Umum mengetahui pada tahun 2022 kerajaan Arab Saudi menetapkan hanya bakal haji yang berusia 65 tahun dan ke bawah sahaja yang dibenarkan untuk mengerjakan haji di musim tersebut. Justeru tahun 2022 tersebut merakamkan majoriti wajah-wajah jemaah haji yang berusia muda. Berdasarkan pengalaman haji yang dilalui amatlah benar untuk dipersetujui jika orang muda yang telah memenuhi syarat istitaah untuk tidak perlu lagi menanggungkan manasid haji ini. Ibadah haji memerlukan kesihatan jasmani yang kuat untuk melengkapkan rukun dan wajib haji.

Peribadatan haji ini jauh melangkaui konsep nilai individu dan organisasi di mana kita seringkali mendengar i-DART dan ESI di mana ibadah haji membuktikan nilai-nilai tersebut mencakupi kesemua elemen mahmudah. Ibadah haji lambang penghambaan kepada tuhan yang maha esa menuju Baitullah. Kenangan manis yang terpahat dalam lipatan sejarah tidak akan dilupakan sehingga ke akhir hayat. Semoga direzekikan kembali dapat datang ke bumi yang penuh barakah. Aamiin. Allah tidak menjemput mereka yang mampu tetapi Allah memampukan mereka yang dijemput.

*Mohd Ridzuan bin  
Ibrahim*

*Pengajian Sains Maklumat,  
Kolej Pengajian  
Pengkomputeran, Informatik  
dan Media*

*UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan Kampus Rembau*



